

Pencalonan Tengku Razaleigh rebut jawatan Presiden UMNO PM: Perwakilan tentukan

Oleh FAUZIAH AROF

KUALA LUMPUR 10 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyerahkan kepada perwakilan UMNO bagi menentukan pencalonan Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding jawatan Presiden UMNO pada pemilihan parti September ini.

Perdana Menteri yang juga pemangku Presiden UMNO menegaskan, hanya ahli-ahli UMNO melalui persidangan perwakilan akan membuat keputusan mengenai perkara itu.

"Mereka akan menentukannya. Mereka juga yang mengetahui sama ada akan sokong dia atau tidak," katanya ketika ditanya pendapatnya sama ada Tengku Razaleigh akan mendapat pencalonan yang cukup bagi bertanding jawatan itu.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Maktab Pegawai Kanan Polis Kuala Lumpur, Cheras, di sini hari ini.

● Lagi berita - Muka 2, 3, 4, 5, 11

Beliau diminta mengulas hasrat Ahli Parlimen Gua Musang itu semalam yang menawarkan diri bertanding jawatan Presiden UMNO.


Pengumuman mengenai itu dibuat oleh Tengku Razaleigh ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Gua Musang, di Bukit Cekati, Kelantan.

Menurut Abdullah, keputusan Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Presiden UMNO merupakan satu pandangan beliau sendiri.

"Jadi, itu adalah pandangan beliau. Hanya perwakilan akan menentukan... saya tidak tahu," katanya.

Semalam, semua pemimpin UMNO termasuk Naib Presiden, Pengerusi Badan Perhubungan Negeri, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri menyatakan pendirian akan terus menyokong Abdullah dan Datuk Seri Najib Tun Razak, masing-masing sebagai Presiden dan Timbalan Presiden.

Malah, dua bahagian UMNO di Kelantan iaitu Kota Bharu dan Kuala Krai, yang mengadakan persidangan perwa-



ABDULLAH Ahmad Badawi diringi oleh Ketua Polis Negeri, Tan Sri Mohd. Bakri Omar mempriksa barisan kehormat sebelum merasmikan Maktab Pegawai Kanan Polis di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar ASWAD YAHYA

PM: Perwakilan tentukan

MM - 11/7/2004: 4

kilan semalam dan dua bahagian lagi di Kelantan hari ini iaitu Jeli dan Tumpat, juga memberikan kepercayaan penuh kepada dua pemimpin tersebut untuk jawatan tertinggi itu.

Majlis Tertinggi (MT) UMNO, yang turut dianggotai oleh Tengku Razaleigh, sebelum ini telah membuat keputusan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan bagi memberi laluan kepada Abdullah dan

Najib yang kini menjalankan kerja Timbalan Presiden.

Tengku Razaleigh, yang pernah tumpas dalam perebutan jawatan Presiden kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad pada pemilihan parti 1987, perlu mendapat 30 peratus atau 58 pencalonan daripada 191 bahagian untuk layak bertanding.

Persidangan perwakilan peringkat bahagian akan berakhir pada 22 Julai ini.